



**KENYATAAN AKHBAR  
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

**BERKENAAN:**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2021 SIRI 1  
MENGENAI AKTIVITI AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI KEDAH**

1. Pengauditan terhadap aktiviti agensi merupakan pengauditan prestasi yang dilaksanakan di bawah Perenggan 6(d), Akta Audit 1957, manakala pengauditan pengurusan syarikat dijalankan selaras dengan Perenggan 5(1)(d), Akta Audit 1957. Fasal 1 Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Fasal 2 Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang di-Pertua Negeri berkenaan yang hendaklah menyebabkan laporan tersebut dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.
2. LKAN Tahun 2021 Siri 1 Mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 3 Ogos 2022, setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah, LKAN ini akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah pada 30 Oktober 2022 (Ahad).
3. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

### **3.1. Pengauditan Prestasi di Agensi Negeri**

- i. Bagi LKAN Tahun 2021 Siri 1 ini, satu pengauditan prestasi telah dilaksanakan di peringkat negeri Kedah iaitu Pengurusan Hartanah Industri di Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK). Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa Pengurusan Hartanah Industri telah mencapai sasaran output dan keberhasilan yang ditetapkan.
- ii. Prestasi output pembangunan hartanah industri adalah memuaskan kerana PKNK telah berjaya membangunkan sembilan kawasan perindustrian di negeri Kedah. Bagaimanapun, pendapatan bersih daripada aktiviti hartanah industri yang diperoleh PKNK bagi tahun 2018 hingga 2020 kurang 50% daripada yang dianggarkan.
- iii. Daripada aspek keberhasilan, PKNK mencatatkan keuntungan penjualan lot industri di sembilan kawasan industri yang telah siap dibangunkan. Negeri Kedah juga telah memperoleh pelaburan yang tinggi serta dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk di negeri Kedah berikutan pembangunan sembilan kawasan industri tersebut.
- iv. Bagaimanapun, pengurusan hartanah industri didapati kurang cekap kerana terdapat kelemahan dalam aspek pajakan, sewaan dan kutipan hasil.

### **3.2. Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri**

- i. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan merangkumi tiga aspek iaitu pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan kedudukan kewangan syarikat.
- ii. Bagi LKAN Tahun 2021 Siri 1 ini, satu pengauditan pengurusan syarikat kerajaan telah dilaksanakan di negeri Kedah iaitu Kynetics Land Sdn. Bhd. (KLSB). Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa KLSB telah mencapai objektif penubuhannya, iaitu sebagai pemaju perumahan, kontraktor, pembangunan hartanah, pembinaan dan penyenggaraan bangunan.
- iii. Bagaimanapun, prestasi KLSB sebagai pemaju hartanah dan kontraktor am kurang cekap. KLSB hanya menerima bayaran wang jaminan keuntungan dan penyelesaian kontrak berjumlah RM3.51 juta (71.9%) bagi FASA 3 Zon 1, Projek Perumahan Bandar Sejahtera, Pokok Sena. Baki sebanyak RM1.37 juta (28.1%) masih belum diterima. Tiga daripada empat projek

penyenggaraan jalan raya negeri tidak dipelawa secara sebut harga untuk dibuat perbandingan bagi mendapat pulangan yang lebih baik. KLSB tidak dapat menuntut bayaran sejumlah RM0.82 juta daripada kerja yang dilaksanakan bagi Projek Pembinaan 50 Unit Rumah di bawah Program *My Beautiful New Home* kerana kontraktor utama telah digulungkan.

- iv. Amalan tadbir urus korporat adalah memuaskan namun memerlukan penambahbaikan dalam aspek berkaitan Lembaga Pengarah; Setiausaha Syarikat; Prosedur Operasi Standard (SOP); Pelan Strategik dan Jawatankuasa Audit (JKA). Kedudukan kewangan syarikat berada pada tahap stabil dengan mencatatkan trend lebihan keuntungan sebelum cukai untuk tiga tahun berturut-turut dan aliran tunai yang positif.
4. Semua pegawai pengawal/ketua jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembedahan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan/agensi dan pengurusan syarikat berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan sembilan syor terhadap pengurusan aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.
5. LKAN Tahun 2021 Siri 1 Mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah ini akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah pada 30 Oktober 2022. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 30 Oktober 2022 selepas jam 2.00 petang. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Ketua Audit Negara

30 Oktober 2022

4 Rabiulakhir 1444H